

SOALAN NO. 130

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT DATUK HAJAH NORAH
BINTI ABD RAHMAN [TANJONG MANIS]**

TARIKH : 16 MEI 2016

SOALAN :

YB Datuk Hajah Norah binti Abd Rahman [Tanjung Manis] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan dapat memberi peruntukan untuk membina rumah baru rumah-rumah panjang dan rumah rumah kampung yang berkeadaan terlalu uzur dan tidak selamat untuk didiami dalam kawasan Parlimen Tanjung Manis memandangkan terdapat banyak permohonan dari mereka berada dalam golongan asnaf.

JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan Persekutuan telah menyediakan Skim Pinjaman Rumah Panjang untuk golongan berpendapatan rendah di Negeri Sarawak di bawah Kumpulan Wang Golongan Berpendapatan Rendah Sabah dan Sarawak. Pada tahun 2016, sebanyak RM10 juta telah diperuntukkan kepada Kerajaan Negeri Sarawak bagi tujuan membaik pulih rumah panjang sedia ada dan membina baru rumah panjang. Dari segi pelaksanaan, Kementerian Perumahan Sarawak melalui *Housing Development Corporation* (HDC) bertanggungjawab mengurus dan mengendalikan pelaksanaan skim ini.

Selain itu, YAB Perdana Menteri semasa Ucapan Bajet 2016 pada 23 Oktober 2015 telah mengumumkan satu Skim Pinjaman Tanpa Faedah bagi tujuan membina rumah-rumah panjang dengan had pinjaman RM50 ribu untuk setiap unit rumah panjang di Negeri Sabah dan Sarawak. Sejumlah RM50 juta diperuntukkan untuk Kerajaan Negeri Sarawak manakala RM20 juta lagi untuk Kerajaan Negeri Sabah. Dari segi kaedah pelaksanaan, peruntukan akan disalurkan secara pinjaman tanpa faedah kepada agensi pelaksana Kerajaan Negeri iaitu *Housing Development Corporation* (HDC) di Negeri Sarawak dan Lembaga Pembangunan Perumahan dan Bandar (LPPB) di Negeri Sabah. YAB Perdana Menteri juga secara prinsipnya telah bersetuju supaya diwujudkan satu skim sahaja bagi pelaksanaan rumah panjang ini. Ketika ini, Kementerian Kewangan

sedang mengusahakan untuk menyalurkan peruntukan daripada Kumpulan Wang Golongan Berpendapatan Rendah Sabah dan Sarawak kepada kedua-dua Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak.

Pelaksanaan projek pembinaan rumah panjang adalah terbuka kepada semua kaum dan tidak tertumpu pada sesuatu kawasan di Sarawak. Permohonan pinjaman rumah panjang juga dilaksanakan berdasarkan permohonan daripada pemohon dan telah disokong oleh Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) atau Ahli Parlimen. Kementerian Perumahan Sarawak melalui HDC telah menerima sebanyak 264 permohonan pinjaman rumah panjang, melibatkan 7,047 pintu. Senarai permohonan mengikut Bahagian di Sarawak adalah seperti di bawah:

Bahagian	Rumah Panjang	Jumlah Pintu
Samarahan	8	206
Sri Aman	39	818
Betong	37	811
Sarikei	38	856
Sibu	50	1,222
Kapit	8	482
Mukah	6	176
Bintulu	52	1,507
Miri	22	887
Limbang	4	82
Jumlah	264	7,047

Sekian, terima kasih.